ALUSIL TABLET

Aluminium Hydroxide / Magnesium Trisilicate (120mg / 250mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Alusil Tablet
2. Bagaimana Alusil Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Alusil Tablet
4. Cara menggunakan Alusil Tablet
5. Semasa menggunakan Alusil Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Alusil Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Alusil Tablet

Alusil Tablet digunakan untuk merawat gejala pengeluaran asid perut yang berlebihan.

Bagaimana Alusil Tablet berfungsi

Alusil Tablet berfungsi sebagai antasid, iaitu meneutralkan asid perut, melegakan gejala gastrik dan mencegah refluks asid.

Sebelum menggunakan Alusil Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan menggunakan Alusil Tablet jika anda mempunyai hipersensitiviti terhadap ubat yang mengandungi aluminium, calcium, magnesium, sodium bicarbonate atau mana-mana bahan yang terkandung dalam produk ini.
- Alusil Tablet tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak berumur di bawah 6 tahun disebabkan oleh risiko paras magnesium yang tinggi dalam darah dan risiko ketoksikan aluminium.

Jangan ambil Alusil Tablet jika anda mengalami keadaan berikut:

- Masalah usus tersumbat
- Masalah pendarahan dalam perut atau usus.
- Keradangan usus, seperti *ulcerative colitis* diverticulitis atau appendicitis
- Pembedahan yang melibatkan usus, seperti *colostomy, illeostomy.*
- Masalah usus seperti sembelit, cirit-birit yang berpanjangan, buasir.
- Masalah buah pinggang.

- Sebelum mula menggunakan Alusil Tablet

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami keadaan berikut:

- Penyakit Alzheimer.

Mengandung dan menyusukan anak

- Hamil: Antasid secara umumnya adalah selamat selagi dos tinggi dielakkan. Namun, ada laporan mengenai antasid yang menyebabkan kadar kalsium darah tinggi, perubahan kadar magnesium darah, dan peningkatan refleks tendon pada bayi baru lahir yang ibunya adalah pengguna antasid kronik. Sekiranya anda hamil, sedang merancang untuk hamil atau mungkin hamil, berjumpa dengan doktor anda sebelum mula menggunakan Alusil Tablet.
- Menyusukan anak: Setakat ini, tiada laporan yang menyatakan bahawa aluminium, kalsium dan magnesium dirembeskan ke dalam susu ibu. Namun, pada dos yang dicadangkan, paras aluminium, kalsium dan magnesium adalah tidak cukup tinggi untuk memberi kesan kepada bayi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda harus memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat berikut kerana ia boleh berinteraksi dengan Alusil Tablet:

- Ubat yang digunakan untuk merawat masalah jantung seperti digoxin, quinidine.
- Ubat-ubatan untuk menjadikan air kencing lebih berasid *(urinary acidifiers)* seperti ammonium chloride, ascorbic acid, potassium atau sodium phosphates, racemethionine, citrates.
- Ubat yang digunakan untuk merawat *attention deficit hyperactivity disorder* (ADHD) seperti amphetamines.
- suplemen kesihatan seperti folic acid.
- Ubat untuk merawat batu hempedu seperti chenodiol.
- Tablet bersalut (tablet yang larut secara perlahan), seperti bisacodyl (ubat untuk merawat sembelit).
- Ubat antibiotik yang digunakan untuk merawat jangkitan bakteria seperti fluroquinolones dan tetracyclines.
- Ubat yang digunakan untuk merawat anemia seperti ubat yang mengandungi zat besi.
- Ubat yang digunakan untuk merawat penyakit tulang atau penyakit buah pinggang seperti Vitamin D, calciferol, calcitriol.
- Ubat yang digunakan untuk merawat tibi seperti isoniazid.
- Ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan kulat seperti ketoconazole.
- Ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi seperti mecamylamine.
- Ubat yang digunakan untuk mencegah jangkitan saluran kencing seperti Methenamine.
- Ubat yang digunakan untuk merawat ulser perut seperti cimetidine *(H2-receptor antagonists).*
- Ubat yang digunakan untuk penghadaman seperti enzim pancrelipase.
- Penicillamine (ubat yang digunakan untuk merawat penyakit Wilson atau *rheumatoid arthritis).*
- Ubat yang digunakan untuk merawat gangguan mental atau sawan seperti chlorpromazine dan phenytoin.
- Ubat yang digunakan untuk merawat malaria seperti quinine.
- Ubat yang digunakan untuk tahan sakit dan keradangan seperti salicylates.
- Ubat yang digunakan untuk mengurangkan paras kalium dalam darah seperti sodium polystyrene sulfonate resin.
- Ubat yang digunakan untuk menguatkan enamel gigi dan mencegah kerosakan gigi seperti sodium fluoride.

ALUSIL TABLET

Aluminium Hydroxide / Magnesium Trisilicate (120mg / 250mg)

Cara menggunakan Alusil Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 1 - 2 tablet
Kanak-kanak (6 - 12 tahun):
Separuh atau 1 tablet

- Bila perlu digunakan

Diambil 20 min - 1 jam selepas makan dan sebelum waktu tidur.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.
- Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan.
Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Alusil Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Alusil Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.
- Sekiranya simptom berterusan atau bertambah teruk, rujuk pada doktor anda kerana punca simptom perlu disiasat dan dinilai semula oleh doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berkongsi Alusil Tablet dengan orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan penggunaan berpanjangan dengan dos yang tinggi.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Alusil Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Penggunaan jangka panjang boleh menyebabkan perubahan perasaan atau mental.
- Dos yang tinggi boleh menyebabkan sembelit yang berterusan.
- Dos yang tinggi boleh menyebabkan sakit tulang atau pembengkakan pergelangan tangan atau pergelangan kaki.
- Perasaan tidak selesa yang berterusan, kehilangan selera makan yang berterusan, kelemahan otot, penurunan berat badan yang tidak biasa *(Phosphorus depletion syndrome)*.
- Bagi orang yang mengalami masalah buah pinggang, penggunaan yang berpanjangan atau dos tinggi boleh menyebabkan pening kepala, degupan jantung tidak tetap, perubahan mood atau mental, kelemahan atau keletihan yang tidak biasa (gejala paras magnesium yang tinggi dalam darah atau ketidakseimbangan elektrolit lain).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Alusil Tablet

- Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.
Simpan di bawah 30°C di tempat kering yang dilindungi dari cahaya langsung.

- Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui sisa air atau sampah isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk bulat yang berwarna putih, dan mempunyai satu garisan di permukaan tablet dengan bau pudina dan rasa mint yang manis.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Aluminium hydroxide, magnesium trisilicate

- Bahan tidak aktif
Magnesium stearate, peppermint oil, sodium benzoate, saccharin sodium, sugar, pregelatinised starch, talc, corn starch, lactose.

- Nombor MAL:
MAL19940195XC

Pengilang

Teraputics Sdn. Bhd. (590500-W)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B,
14100 Simpang Ampat, S.P.S.,
Pulau Pinang, Malaysia.

ALUSIL TABLET

Aluminium Hydroxide / Magnesium Trisilicate (120mg / 250mg)

Pemegang Pendaftaran Produk
Zontron Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
(445695-T)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park,
Lorong IKS Simpang Ampat B,
14100 Simpang Ampat, S.P.S.,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
02/09/2021

Nombor Siri
NPRA(R4/1)120821/00066